



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 05 FEBRUARI 2025 (RABU)

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	THE STAR	MBDK DBKL	- VOUCHERS LOWER FESTIVE COSTS FOR KLANG SENIORS - KEPONG FOLK UPSET OVER MESS AT VACANT PLOT
2.	HARIA METRO	DBKL	DBKL ROBOH PREMIS INSAF MALAYSIA BERI RUANG LAGI 2 MINGGU
3.	BERITA HARIAN	DBKL	DBKL TETAP ROBOH PREMIS DIDUDUKI INSAF MALAYSIA

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	- TRUMP TARIFF DEADLINE LIFTS RINGGIT AGAINST GREENBACK 50% REBATE FOR ALL FESTIVITIES TO REPLACE TOLL-FREE SCHEME
2.	SINAR HARIAN	- PUSINGAN PETUGAS KAUNTER PERKHIDMATAN AWAM BERMULA - DISKAUN 50 PERATUS GANTI MEKANISME TOL PERCUMA - THAIPUSAM: PENUMPANG KOMUTER LEMBAH KLANG NIKMATI TAMBANG PERCUMA DUA HARI - RM10 JUTA BINA JEJANTAS MOTOSIKAL, PEJALAN KAKI ELAK KESESAKAN TRAFIK - TARIF ELEKTRIK: RAKYAT TARIK NAFAS LEGA, TERIMA KASIH PMX - WAJARKAH PEKERJA ASING CARUM KWSP? - CARUMAN DUA PERATUS ADALAH WAJAR
3.	KOSMO	- PUSINGAN KERJA DI KAUNTER BERMULA - BEKAS PEGAWAI DIREMAN KES RASUAH - DISKAUN 50 PERATUS GANTI TOL PERCUMA
4.	HARIAN METRO	BEKAS PEGAWAI KANAN JABATAN KETUA MENTERI DIREMAN 5 HARI
5.	UTUSAN MALAYSIA	- RAKYAT TIDAK TERLIBAT KENAIKAN TARIF ELEKTRIK, HANYA INDUSTRI - MUKTAMAD, TIADA LAGI TOL PERCUMA
6.	NEW STRAITS TIMES	- EXPERTS: TARGETED SUBSIDIES FAIRER - RINGGIT IS RELATIVELY STABLE
7.	THE SUN	POWER TARIFF HIKE WILL NOT AFFECT 85% OF POPULATIN: PM



"Citizens aged 60 and above who have lived in Selangor for at least 15 years, as well as registered voters in the state with a household income of RM3,000 and below, are eligible."

Dr Quah Peng Fei

Dr Quah (third from right) receiving blessings from the lion dance troupe at his service centre. Looking on are (from right) Abd Hamid and Ng, and Teng (second from left). — Photos: IZZRAFIQ ALIAS/The Star

By EDWARD RAJENDRA
and LEE JUNE LING
metro@thestar.com.my

Star
(MBOIC)

Vouchers lower festive costs for Klang seniors

23,400 distributed statewide under Selangor government's 'Jom Shopping' programme to help old folks celebrate CNY

A TOTAL of 550 Bandar Baru Klang senior citizens received *Jom Shopping* vouchers under Selangor government's Skim Mesra Usia Emas (SMUE) programme in conjunction with Chinese New Year.

SMUE aims to improve the quality of life of senior citizens who are in need, including through the distribution of RM200 shopping vouchers.

Bandar Baru Klang assemblyman Dr Quah Peng Fei revealed this during a Lunar New Year open house at his service centre.

The voucher recipients had earlier applied for the aid at his centre.

"Citizens aged 60 and above who have lived in Selangor for at least 15 years, as well as registered voters in the state with a household income of RM3,000 and below, are eligible," he said.

SMUE vouchers can only be claimed once a year and are for use at designated stores.

Dr Quah hoped the aid would help recipients celebrate Chinese New Year on a more joyful note.

SMUE is aimed at assisting low-income and needy groups in all 56 Selangor constituencies where an estimated 23,400 vouchers had been distributed for Chinese New Year.

An estimated 1,300 locals of various

racings thronged the open house where street food like *rojak*, *nasi lemak*, *char kuey teow*, *popiah*, *asam laksa*, *cendol* and *satay* were served.

Also present were Selangor local government and tourism committee chairman Datuk Ng Suee Lim, Bukit Gasing assemblyman Rajiv Rishyakaran, former Bandar Baru Klang assemblyman Datuk Teng Chang Khim and Klang Royal City Council (MBDK) mayor Datuk Abd Hamid Hussain.

Ng, in his speech, said he was pleased to see the spirit of goodwill among different sections of society.

"It shows that we live in a harmonious multiracial society."

In addition to tossing *yee sang*, guests were entertained with a lion dance performance as well as traditional Chinese music performed by an ensemble.



A traditional music ensemble entertaining guests.

THE STAR

05 FEB 2025

Tarikh:.....

By FARID WAHAB
and LEE JUNE LING
metro@thestar.com.my

9th (DBKL)
53

Kepong folk upset over mess at vacant plot

A VACANT plot filled with construction materials near the Jalan Kepong-Jalan Jinjang Utara intersection in Kampung Baru Jinjang Utara is causing concern among locals.

Located below the MRT Putrajaya Line elevated track, it also has untrimmed bushes, raising fears of pests.

Community activist Yee Poh Ping said asphalt mix was also dumped in the area.

Lorries were often spotted entering the site at night to unload construction debris and asphalt mix there, he added.

Yee said this had locals won-

dering if the plot was being developed as there was no signboard at the site.

Yee added that multiple reports had been made but there had been no response from Kuala Lumpur City Hall (DBKL).

"We hope DBKL can beautify the area with greenery so locals can use the site for recreational purpose," he said.

Checks by *StarMetro* found an old DBKL tape around the area alongside a signboard stating that the landowner was the Federal Lands Commissioner.

Resident Lee Hoi Eng urged

the authorities not to approve projects in the area to minimise pollution and congestion.

A source said the plot was being converted into a carpark.

"However, MRT Corp, which is responsible for managing the site, has ordered works to be stopped as no prior approval was given."

He added that there was also a proposal for DBKL to gazette the site as a green space to prevent future developments.

It was learnt that DBKL had issued a stop-work order and was scheduled to visit the site today.



The vacant land is located below the MRT Putrajaya Line in Kepong.

THE STAR

05 FEB 2025

Tarikh:.....

Trump tariff deadline lifts ringgit against greenback

KUALA LUMPUR: The ringgit settled higher against the US dollar yesterday, as the rollback of the United States tariffs deadline on Mexico and Canada lifted global growth sentiment, says an analyst.

At 6pm, the ringgit advanced to 4.4400/4495 against the greenback from Monday's close of 4.4710/4800.

Bank Muamalat Malaysia Bhd chief economist Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid stated that the 30-day delay in

implementing US import tariffs on Canada and Mexico was the primary factor affecting the currency market.

"It shows that there is room for negotiation for both parties to reach an amicable solution. However, the situation is still fluid given the surprise element.

"China has already responded with tariff hikes on certain products related to agricultural tools and energy import from the United States.

As such, the currency market will likely remain volatile," he told *Bernama*.

SPI Asset Management managing partner Stephen Innes pointed out that the tariff threat still looms, especially with April 1 on the horizon, which is the deadline Trump has set for his trade team's review.

"That could bring a more sector-specific approach, with longer lead times for any new measures, he said.

Mr S/P

THE STAR

05 FEB 2025

Farikh:.....

50% rebate for all festivities to replace toll-free scheme

SEKINCHAN: A 50% toll discount will be implemented during all festive seasons this year to replace the previous toll-free initiative introduced by the government.

Works Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi (*pic*) said this measure would reduce the compensation borne by the government to



highway concessionaires.

"In a year, eight days were allocated for toll-free travel.

"Now, the same number of days will have a 50% discount instead.

"If it was free, we would spend RM160mil.

By halving it, the payment to

concessionaires amounts to RM80mil," he told reporters during a working visit to the Federal Route FT05 Sungai Besar-Sabak Bernam here yesterday, Bernama reported.

He said the 50% toll discount was approved in a previous Cabinet meeting in conjunction with Chinese New Year 2025.

"For Chinese New Year, a 50% discount was given, with the deci-

sion made considering that the people still need it.

"Therefore, the Cabinet has decided to continue this throughout the year during festive seasons, including Aidilfitri and beyond," he said.

He further clarified that the cost of the toll discount is covered by the government using public funds, not by the highway concession companies.

THE STAR

05 FEB 2025

Tarikh:.....

Perkukuh kualiti perkhidmatan awam, tingkat kecekapan penyampaian perkhidmatan di kaunter

PUTRAJAYA

84 5/2

Pusingan petugas kaunter perkhidmatan awam bermula

Pelaksanaan inisiatif Pusingan Kerja Petugas Kaunter melibatkan semua kementerian termasuk jabatannya bermula pada Selasa bagi memperkukuh kualiti perkhidmatan awam dan meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan di kaunter.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz berkata, inisiatif itu bertujuan meningkatkan kemahiran petugas kaunter, memastikan kepelbagaian kemahiran kerja dan memperkasakan pengalaman pelanggan dengan penyampaian perkhidmatan lebih cekap serta mesra.

"Langkah ini sejajar dengan

matlamat reformasi perkhidmatan awam untuk mewujudkan sistem kerja yang lebih dinamik dan responsif terhadap keperluan rakyat," katanya menerusi kenyataan di sini pada Selasa.

Beliau berkata, pelaksanaan pusingan kerja itu melibatkan semua kementerian utama termasuk Kementerian Kewangan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Sumber Manusia dan beberapa kementerian lain yang terlibat secara langsung dalam penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat.

Melalui program itu, petugas kaunter akan diberikan latihan berkala dan pemantauan berterusan bagi memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan sentiasa berada pada tahap terbaik.

Selain itu, petugas kaunter juga akan diberikan pendedahan kepada pelbagai aspek tugas di



Pelaksanaan pusingan kerja melibatkan semua kementerian utama yang terlibat secara langsung dalam penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat.

kaunter, membolehkan mereka menangani pelbagai pertanyaan dan urusan pelanggan dengan lebih efisien.

"Kerajaan yakin bahawa

dengan pelaksanaan Pusingan Kerja Petugas Kaunter, perkhidmatan awam negara akan terus diperkukuh dan mampu memberikan pengalaman yang

lebih baik kepada rakyat," katanya.

Sementara itu, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menumpukan lima inisiatif utama bagi memperkukuh perkhidmatan awam sebagai tunjang utama pentadbiran negara selaras Titah Diraja Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim.

Wan Ahmad Dahlan berkata, inisiatif utama itu ialah reformasi perkhidmatan awam, pemerkasaan modal insan dan penjagaan kebajikan, kesejahteraan pegawai awam, peningkatan integriti dan akauntabiliti serta pengukuhan identiti nasional dan semangat perkhidmatan.

"JPA akan terus berperanan sebagai peneraju dalam memastikan pegawai awam sentiasa bersedia menghadapi cabaran baharu serta berdaya saing dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat," katanya.

SINAR HARIAN
05 FEB 2025

Tarikh:

Pemberian diskaun
lapan hari setahun
seperti sebelum ini bagi
setiap musim perayaan
dipersetujui Kabinet

Diskaun 50 peratus ganti mekanisme tol percuma

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR
SABAK BERNAM

84 5/2

Kerajaan akan melaksanakan diskaun tol sebanyak 50 peratus pada musim perayaan utama sebagai mekanisme menggantikan tol percuma yang diamalkan sebelum ini.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, langkah itu dapat menjimatkan kos yang terpaksa ditanggung kerajaan.

Menurut beliau, melalui diskaun 50 peratus kerajaan dapat menjimatkan sebanyak RM180 juta setahun.

"Diskaun tol 50 peratus selama lapan hari setahun seperti sebelum ini.

"Pada Tahun Baharu Cina baru-baru ini diberikan diskaun 50 peratus dengan keputusan itu dibuat memandangkan rakyat masih memerlukannya," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan tinjauan kerja bagi pembinaan

jejantas laluan motosikal dan pejalan kaki di Jalan Persekutuan (FT) 5 Sungai Besar-Sabak Bernam di sini pada Selasa.

Mengulas lanjut, Alexander berkata, keputusan pemberian diskaun bagi setiap musim perayaan itu telah dipersetujui Kabinet sebelum ini.

"Kabinet boleh memutuskan atau tukar pandangan ikut keperluan.

"Semua (kos diskaun) tol dibiayai kerajaan dan itu kena tahu dan bukan dibiayai syarikat konsesi. Jadi, saya harap rakyat tahu (diskaun 50 peratus tol) dibelanjakan daripada duit rakyat juga," katanya.

Alexander sebelum ini memaklumkan dasar pemberian tol percuma untuk semua perayaan utama tidak akan diteruskan bermula tahun ini.

Bagaimanapun Kabinet selepas itu membuat keputusan memberikan potongan tol 50 peratus dari kadar biasa sempena perayaan Tahun Baharu Cina 2025 bagi semua kenderaan Kelas 1 (persendirian) pada 27 dan 28 Januari.



Alexander (tiga dari kiri) mengadakan lawatan kerja di Jalan Persekutuan FT05 Sungai Besar-Sabak Bernam pada Selasa.

SINAR HARIAN

05 FEB 2025

Tarikh:

81
5/2

Thaipusam: Penumpang komuter Lembah Klang nikmati tambang percuma dua hari

KUALA LUMPUR - Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) menawarkan perkhidmatan tambang percuma selama dua hari sempena Thaipusam bermula 10 Februari.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke berkata, kemudahan itu ditawarkan kepada penumpang KTM Komuter Lembah Klang, menggunakan mekanisme imbasan keluar melalui pintu automatik (ACG), selain perkhidmatan itu akan beroperasi 24 jam bagi tempoh empat hari bermula Ahad.

Beliau berkata, perkhidmatan bagi laluan Pelabuhan Klang-Tanjung Malim-Pelabuhan Klang akan diubah dan beroperasi mengikut jadual perjalanan penuh sepanjang sambutan itu.

"Inisiatif ini diambil bagi memenuhi keperluan permintaan penumpang khususnya penganut agama Hindu, pelancong serta orang awam yang ingin menyaksikan keunikan sambutan Thaipusam di Batu Caves."

"Kita jangkakan hampir 500,000 pengguna akan memanfaatkan perkhidmatan ini iaitu peningkatan 10 peratus berbanding tahun lepas dengan kemuncak perjalanan dijangka pada 11 Februari," katanya pada sidang media di Stesen KTM Batu Caves di sini pada Selasa.



Anthony (tengah) beramah mesra bersama pelancong asing di Stesen KTM, Batu Caves pada Selasa.

Anthony berkata, operasi tren tambahan sepanjang empat hari tiga malam itu melibatkan 494 perjalanan meliputi 33 perkhidmatan bagi laluan Batu Caves-Pulau Sebang-Batu Caves, laluan Batu Caves-Pelabuhan Klang-Batu Caves (45 perkhidmatan) dan laluan KL Sentral-Batu Caves-KL Sentral (28 perkhidmatan).

Ia turut meliputi laluan Batu Caves-Bangi-Batu Caves (enam perkhidmatan) dan masing-masing tiga perkhidmatan bagi laluan Batu Caves-Sentul dan laluan Batu Caves-Subang Jaya.

"Perkhidmatan tren tambahan akan bermula selepas tren terakhir pada setiap hari, dengan waktu perkhidmatan seawal jam 9.55 malam bagi laluan dari Stesen Pulau Sebang ke Batu Caves dan seawal 9.30 malam bagi tren dari Stesen Pelabuhan Klang ke Batu Caves," katanya.

Bagi pengguna dari KL Sentral pula, perkhidmatan tren tambahan akan diselang antara perkhidmatan sedia ada bermula 11 pagi, menjadikan kekerapan lebih baik iaitu setiap 30 minit berbanding sejam pada hari biasa. - Bernama

SINAR HARIAN

05 FEB 2025

Tarikh:

RM10 juta bina jejantas motosikal, pejalan kaki elak kesesakan trafik

814 5/2

SABAK BERNAM - Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM10 juta bagi membina jejantas laluan motosikal dan pejalan kaki berhadapan Sekolah kebangsaan (SK) Sungai Leman Sekinchan di sini berikutan aliran trafik tinggi dan berisiko berlakunya kemalangan.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, keperluan pembinaan jejantas itu amat mendesak lebih-lebih lagi terdapat sebuah sekolah, masjid dan kediaman penduduk di sekitar kawasan berkenaan.

"Tadi pun saya telah diberitahu semalam (Isnin) ada kemalangan meragut nyawa juga di lokasi (berhampiran) ini.

"Pembinaan jejantas ini akan meningkatkan keselamatan, keselesaan dan melancarkan aliran trafik di laluan ini," katanya.

Ditanya tarikh pembinaan jejantas itu siap, Alexander menjelaskan, proses tender dijangka akan dimulakan pada penghujung tahun ini dengan jangkaan siap pada awal tahun 2027.

"Projek ini mungkin mengambil masa sedikit kerana terdapat pengambilan tanah yang perlu diselesaikan.

"Oleh itu, saya memohon kerjasama daripada semua pihak, terutama pegawai daerah untuk mempercepatkan proses ini," tambahnya.

Selain itu, Alexander memberitahu, beberapa projek lain turut diluluskan kerajaan termasuk penyelenggaraan jalan FT05 di Sabak Bernam yang melibatkan kos sebanyak RM3 juta.

Beliau memberitahu, projek itu merangkumi kerja baik pulih jalan kritikal, pembaikan sistem perparitan kedua yang bernilai RM2.26 juta dan menaik taraf lampu jalan dengan pemasangan lampu solar serta pembaikan lampu isyarat bernilai RM750,000.

"Jumlah keseluruhan peruntukan yang diberikan untuk Sabak Bernam dan kawasan sekitar adalah RM4.61 juta manakala projek tambahan di Kuala Selangor turut diluluskan dengan peruntukan khas sebanyak RM1.6 juta," kata beliau.

SINAR HARIAN

Tarikh:0.5..FEB..2025..

Tarif elektrik: Rakyat tarik nafas lega, terima kasih PMX

84 5/2
PERUBAHAN tarif elektrik pada Julai nanti bukan suatu perkara yang mengejutkan kerana ramai yang sudah menjangkakan ia bakal berlaku berikutan peningkatan kos bahan api.

Mengikut undang-undang negara, tarif elektrik boleh disemak setiap enam bulan melalui mekanisme Pelepasan Kos Tidak Berimbang (ICPT).

Dalam perkembangan terbaharu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan 85 peratus rakyat di negara ini tidak akan terkesan dengan kenaikan tarif elektrik.

Anwar turut memberi jaminan bahawa sektor industri tidak akan dibebankan dengan kenaikan yang tinggi melebihi 14 peratus. Langkah tersebut bagi memastikan keseimbangan antara menjaga kebajikan rakyat dan kelangsungan perniagaan.

Oleh itu kita perlu sedar bahawa perubahan tarif elektrik merupakan sebahagian daripada realiti ekonomi yang dihadapi semua negara.

Sejarah tarif elektrik di Malaysia menunjukkan sektor tenaga negara telah melalui pelbagai perubahan sejak penstrukturan semula pada 1997 dengan memperkenalkan pelbagai mekanisme pengurusan tarif termasuk ICPT.

Setiap kali semakan dibuat, ia memberikan peluang kepada pengguna untuk merancang dan menyesuaikan penggunaan elektrik di rumah, terutama ketika ekonomi yang lebih mencabar.

Kerajaan sudah memberikan jaminan untuk mengurangkan beban maka kita juga perlu mengambil tanggungjawab memastikan penggunaan tenaga lebih efisien di rumah masing-masing.

Kita kini hidup dalam dunia digital dengan bergantung kepada peralatan elektronik yang menggunakan tenaga lebih tinggi. Tanpa kita sedari, pembaziran tenaga mudah berlaku di rumah akibat sikap malas untuk mematikan suis lampu, televisyen dan pendingin hawa selepas digunakan.

Malah masih ramai antara kita yang keluar rumah tanpa mempedulikan keperluan menutup suis atau mencabut plag peralatan elektrik.

Salah satu punca utama pembaziran tenaga ialah membiarkan peralatan elektronik dalam mode *standby*, di mana peralatan tersebut sebenarnya tetap menggunakan arus elektrik. Meskipun arusnya kecil namun jika dibiarkan berlaku setiap hari, kesannya dapat dilihat pada bil elektrik yang meningkat.

Jangan tunggu sehingga bil elektrik mencecah angka yang tinggi baru terfikir untuk berjimat. Langkah kecil yang kita ambil hari ini boleh memberi kesan besar kepada pengurusan kewangan dan keselesaan dalam jangka panjang.

SINAR HARIAN

05 FEB 2025

Tarikh:

Wajarkah pekerja asing carum KWSP?



PERSPEKTIF

ABD HALIM HUSIN

Cadangan untuk mewajibkan pekerja asing menyumbang 2 peratus daripada gaji mereka kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah mencetuskan pelbagai reaksi dalam masyarakat Malaysia.

Salah satu manfaat utama cadangan ini adalah perlindungan kewangan bagi pekerja asing. Dalam banyak kes, pekerja asing pulang ke negara asal mereka tanpa sebarang simpanan. Tanpa sumbangan kepada KWSP, mereka berisiko menghadapi kesukaran kewangan setelah menamatkan perkhidmatan.

Dengan sumbangan 2 peratus, pekerja asing akan mempunyai akses kepada simpanan yang boleh digunakan untuk tujuan persaraan, pendidikan, atau kecemasan. Ini akan membantu mereka merancang masa depan dengan lebih baik.

Selain itu, cadangan ini juga berpotensi meningkatkan kesedaran mengenai perancangan kewangan dalam kalangan pekerja asing. Keterlibatan dalam sistem KWSP memberi peluang kepada mereka untuk memahami pentingnya simpanan dan perancangan kewangan.

Dari sudut pandang ekonomi, sumbangan pekerja asing juga dapat

meningkatkan pendapatan KWSP.

Dengan lebih banyak dana dalam sistem, KWSP dapat melabur dan memberikan pulangan yang lebih baik kepada semua pencarum. Ini akan membantu memastikan kelestarian sistem pencen di Malaysia dan memberikan manfaat kepada pekerja tempatan juga.

Meningkatkan daya tarik Malaysia

Dengan menyediakan perlindungan kewangan melalui sumbangan KWSP, Malaysia akan menjadi lebih menarik bagi pekerja asing yang berpotensi. Negara ini akan dilihat sebagai destinasi pekerjaan yang lebih baik, di mana pekerja merasa dihargai dan dilindungi. Ini berpotensi meningkatkan kualiti tenaga kerja di Malaysia, kerana pekerja asing yang lebih berkualiti akan tertarik untuk bekerja di sini.

Malah, dalam era globalisasi ini, kompetisi antara negara untuk menarik pekerja mahir semakin ketat. Negara yang mampu menawarkan perlindungan dan faedah yang baik kepada pekerja asing akan mempunyai kelebihan dalam menarik bakat. Dengan melibatkan pekerja asing dalam sistem KWSP, Malaysia dapat menunjukkan komitmennya terhadap kebajikan semua pekerja, yang akan meningkatkan reputasi negara ini di peringkat antarabangsa.

Cabaran dan kebimbangan

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa cabaran dan kebimbangan yang perlu dipertimbangkan sebelum melaksanakan cadangan ini. Salah satu isu utama adalah kenaikan kos operasi bagi majikan, terutamanya bagi industri

kecil dan sederhana (IKS) yang bergantung kepada pekerja asing.

Sumbangan 2 peratus mungkin menjadi beban tambahan bagi syarikat yang beroperasi dengan margin keuntungan yang tipis. Ini boleh menyebabkan penyesuaian dalam model perniagaan, di mana majikan mungkin terpaksa mengurangkan kos di tempat lain atau menaikkan harga produk dan perkhidmatan.

Kedua, penguatkuasaan undang-undang adalah aspek penting yang perlu ditangani. Terdapat risiko bahawa majikan mungkin mencari jalan untuk mengelak daripada mematuhi peraturan baru ini. Oleh itu, penguatkuasaan yang ketat dan pemantauan berterusan adalah penting untuk memastikan bahawa sistem ini berfungsi dengan baik.

Ketiga, kefahaman pekerja asing mengenai proses sumbangan dan manfaat yang akan mereka terima daripada KWSP juga menjadi cabaran. Banyak pekerja asing mungkin tidak memahami sepenuhnya bagaimana sistem KWSP berfungsi atau tidak sedar tentang manfaat yang mereka boleh peroleh.

Implikasi untuk industri kecil dan sederhana (IKS)

Industri kecil dan sederhana (IKS) di Malaysia, yang sering bergantung kepada pekerja asing, akan merasakan kesan langsung daripada pelaksanaan sumbangan ini. Kenaikan kos operasi mungkin memaksa IKS untuk menyesuaikan strategi mereka.

Ini boleh termasuk peningkatan dalam penggunaan teknologi automasi untuk mengurangkan ketergantungan

kepada tenaga kerja manual, atau pelaburan dalam latihan untuk meningkatkan produktiviti pekerja.

Namun, ada juga peluang positif. Dengan meningkatkan kualiti pekerja melalui sumbangan kepada KWSP, IKS dapat menikmati manfaat daripada tenaga kerja yang lebih berkemahiran dan berpengalaman.

Pekerja yang berasa dihargai mungkin lebih bersedia untuk memberikan komitmen yang lebih tinggi kepada majikan, yang akhirnya akan meningkatkan produktiviti.

Kesimpulannya, cadangan untuk mewajibkan pekerja asing menyumbang 2 peratus kepada KWSP adalah langkah positif yang dapat memberikan manfaat kepada pekerja asing, majikan, dan negara secara keseluruhan.

Namun, kita perlu mengatasi cabaran yang mungkin timbul, terutamanya dari segi kos dan penguatkuasaan. Kerjasama antara kerajaan, majikan dan masyarakat adalah penting untuk memastikan cadangan ini dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Dengan mengambil langkah ini, Malaysia bukan sahaja memperkuat sistem simpanan persaraan tetapi juga menunjukkan komitmen untuk menjaga kebajikan semua pekerja. Ini adalah langkah ke arah pembangunan sosio-ekonomi yang lebih inklusif dan mampan, di mana semua pekerja, tanpa mengira asal usul mereka, mendapat perhatian dan perlindungan yang sewajarnya.

**Abd Halim Husin ialah mantan Presiden dan sekarang Setiausaha Agung Dewan Perniagaan Melayu Malaysia*

SINAR HARIAN

Tarikh: 05 FEB 2025

Caruman dua peratus adalah wajar

Bagaimanapun mekanisme caruman dan pengeluaran perlu diteliti

KUALA LUMPUR

9H 5/2

Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM) berpandangan cadangan kerajaan untuk menetapkan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pada dua peratus bagi pekerja asing adalah wajar.

ACCCIM dalam satu kenyataan berkata, kadar itu yang dikurangkan daripada cadangan asal 12 peratus mengambil kira peningkatan beban kos operasi yang tinggi dan persekitaran per-

niagaan mencabar yang disebabkan oleh kesan negatif daripada langkah-langkah tarif oleh ekonomi utama.

"Walaupun kami berasa lega Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah memberi jaminan bahawa kadar caruman majikan tidak akan dinaikkan dalam tempoh jangka pendek, ACCCIM berharap cadangan pindaan Akta KWSP 1991 akan mewujudkan mekanisme yang telus dan mantap untuk menyamak semula kadar caruman KWSP," kata persatuan itu.

ACCCIM berkata, proses semakan semula tersebut perlu melibatkan penilaian berkala keadaan ekonomi dan perniagaan dengan berunding bersama pemegang taruh berkaitan.

Kerajaan pada Isnin mengumumkan rancangannya untuk memperkenalkan kadar caruman mandatori dua peratus untuk pe-

kerja asing dan akan dibincangkan di mesyuarat Kabinet minggu ini dengan Kementerian Sumber Manusia (Kesuma) akan mengumumkan butiran lanjut.

Sebagai pengantara utama antara komuniti perniagaan dan kerajaan, ACCCIM berkata, ia komited untuk menyediakan maklum balas yang membina dan bekerjasama bagi memperhalusi dasar yang menggalakkan pertumbuhan ekonomi mampan serta membantu perniagaan mengharungi cabaran berterusan.

Sementara itu, Presiden Majlis Rangkaian Kesatuan Sekerja Antarabangsa Malaysia (UNI-MLC), Datuk Mohamed Shafie BP Mammal berkata, kerajaan perlu memperincikan klausa dan tata kelola yang membolehkan pekerja asing mengeluarkan wang caruman KWSP sebaik pulang ke negara masing-masing tanpa perlu menunggu



ACCCIM harap cadangan pindaan Akta KWSP 1991 akan mewujudkan mekanisme yang telus dan mantap untuk menyamak semula kadar caruman KWSP.

had umur hingga 55 tahun.

Beliau berkata, caruman mandatori sebanyak dua peratus yang dicadangkan buat pekerja asing tidak dinafikan amat bagus kerana ia satu bentuk obligasi sosial daripada majikan.

Bagaimanapun, menurut beliau, golongan terbabit dibimbangi akan berdepan situasi sukar ketika ingin mengeluarkan

wang tersebut.

"Kebanyakannya sekadar kerja kontrak. Jadi, apakah proses seterusnya yang tidak merumitkan pekerja dan kedutaan negara masing-masing.

"Ini satu sudut yang mesti dilihat. Justeru, wajib ada satu kerangka atau klausa sebelum potongan dibuat," katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

SINAR HARIAN

Tarikh:0.5..FEB.2025...

Pusingan kerja di kaunter bermula

- Melibatkan semua kementerian, jabatan kerajaan
- Tingkat sdi petugas, urusan pelanggan lebih efisien

Oleh MUHAMMAD NAJIEB AHMAD FUAD

PETALING JAYA – Pelaksanaan inisiatif Pusingan Kerja Petugas Kaunter yang melibatkan semua kementerian dan jabatan kerajaan mula berkuat kuasa semalam.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz berkata, ia bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap, mesra serta responsif terhadap keperluan rakyat.

Katanya, inisiatif itu bertujuan meningkatkan kemahiran petugas kaunter, memastikan kepelbagaian kemahiran kerja serta memberi pengalaman lebih baik kepada pelanggan.

"Melalui pusingan kerja ini, petugas kaunter akan diberikan pendedahan kepada pelbagai aspek tugas di kaunter, membolehkan mereka menangani pelbagai pertanyaan dan urusan pelanggan dengan lebih efisien," katanya dalam satu kenyataan semalam.



PETUGAS kaunter akan diberikan latihan berkala di bawah inisiatif Pusingan Kerja Petugas Kaunter.

— GAMBAR HIASAN

Menurutnya, pelaksanaan program merangkumi semua kementerian utama termasuk Kementerian Kewangan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Sumber Manusia yang mempunyai peranan langsung dalam penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Katanya, melalui program itu, petugas kaunter akan diberikan latihan berkala dan pemantauan berterusan bagi memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan sentiasa berada pada tahap

terbaik. "Kerajaan yakin bahawa dengan pelaksanaan Pusingan Kerja Petugas Kaunter, perkhidmatan awam negara akan terdiperkukuh dan mampu memberikan pengalaman yang lebih baik kepada rakyat," katanya.

terbaik.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar sebelum ini mengarahkan Jabatan Perkhidmatan Awam meneliti serta melaksanakan pusingan kerja ke atas semua penjawat awam yang berkhidmat lebih lima tahun di kaunter perkhidmatan kerajaan.

Katanya, tempoh lima tahun untuk bertugas di kaunter perkhidmatan terlalu lama.

“

Melalui pusingan kerja ini, petugas kaunter akan diberikan pendedahan kepada pelbagai aspek tugas di kaunter, membolehkan mereka menangani pelbagai pertanyaan dan urusan pelanggan dengan lebih efisien.”

KOSMO

05 FEB 2025

Tarikh:



ANGGOTA SPRM membawa seorang bekas pegawai kanan di Jabatan Ketua Menteri Melaka untuk perintah reman semalam.

Bekas pegawai direman kes rasuah

ALOR GAJAH – Seorang bekas pegawai kanan di Jabatan Ketua Menteri Melaka direman lima hari bagi membantu siasatan selepas disyaki menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan peribadi tahun lalu.

Perintah reman sehingga 8 Februari ini dikeluarkan Majistret Sharda Shienha Mohd. Suleiman terhadap wanita berusia 42 tahun itu.

Suspek yang masih bujang ditahan kira-kira pukul 4.50 petang semalam selepas hadir ke pejabat SPRM Melaka untuk memberi keterangan.

Menurut sumber, wanita itu yang pernah bertugas sebagai Ketua Penolong Setiausaha di jabatan berkenaan disyaki melakukan kesalahan dengan meminta sumbangan bagi Program Hari Keluarga/Sasaran Kerja Tahunan berjumlah RM5,000 sedangkan program itu tidak wujud dan wang terse-

“

Suspek yang masih bujang ditahan kira-kira pukul 4.50 petang semalam selepas hadir ke pejabat SPRM Melaka untuk memberi keterangan.”

but telah digunakan untuk kegunaan peribadi.

Selain itu, suspek juga secara tidak jujur menggunakan wang sumbangan duit raya berjumlah RM600 yang sepatutnya diberikan kepada 30 orang petugas di bawah seliaannya untuk kegunaan diri sendiri.

Sementara itu, Pengarah SPRM Melaka, Adi Supian Shafie ketika dihubungi mengesahkan tangkapan tersebut.

KOSMO

05 FEB 2025

Tarikh:



ALEXANDER ketika ditemui pemberita selepas lawatan kerja di Jalan Persekutuan FT05 Sungai Besar-Sabak Bernam semalam.

Diskaun 50 peratus ganti tol percuma

- Dilaksana sepanjang musim perayaan tahun ini
- Diaplikasikan selama lapan hari setahun

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SABAK BERNAM – Pemberian diskaun tol sebanyak 50 peratus akan dilaksanakan sepanjang musim perayaan tahun ini sebagai mekanisme bagi menggantikan tol percuma yang diamalkan sebelum ini.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, langkah itu akan menjimatkan kos kepada RM80 juta yang akan dibiayai kerajaan kepada syarikat konsesi berbanding RM180 juta setahun jika pemberian tol percuma.

Katanya, diskaun tol 50 peratus tersebut akan diaplikasikan selama lapan hari setahun se-

perti sebelum ini.

"Pada Tahun Baharu Cina diberikan diskaun 50 peratus dengan keputusan itu dibuat memandangkan rakyat masih memerlukan."

"Jadi, kita putuskan sepanjang tahun ini pada musim perayaan, dengan selepas ini Aidilfitri dan seterusnya," katanya ketika ditemui pada lawatan kerja di Jalan Persekutuan FT05 Sungai Besar-Sabak Bernam di sini semalam.

Alexander berkata, keputusan pemberian diskaun bagi setiap

musim perayaan itu telah diperseujui Kabinet sebelum ini.

"Kabinet boleh putuskan atau tukar pandangan ikut keperluan. Syukurilah Kabinet masih katakan okeylah bagi dululah, jangan 100 peratus tol percuma."

"Semua (kos diskaun) tol ini dibiayai kerajaan dan itu kena tahu dan bukan dibiayai syarikat konsesi. Jadi, saya harap rakyat tahu ini (diskaun 50 peratus tol) dibelanjakan daripada duit rakyat juga," katanya.

Kosmo! pada 22 Januari lalu melaporkan, tiada lagi tol percuma sempena musim perayaan kepada pengguna lebuh raya di negara ini bermula tahun ini.

Keputusan itu yang diputuskan pada mesyuarat Kabinet tahun lalu bagaimanapun akan diganti dengan pendekatan lebih bersasar.

Bagaimanapun, pada 24 Januari lalu, Mesyuarat Jemaah Menteri bersetuju memberikan diskaun tol 50 peratus sempena Tahun Baharu Cina 2025.



Tiada lagi tol percuma tahun ini

KERATAN KOSMO! 22 Januari

KOSMO

05 FEB 2025

Tarikh:

Oleh Amir Abd Hamid
amir_hamid@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kekal dengan keputusan merobohkan premis diduduki Pertubuhan Bantuan Teknikal Insaf Malaysia (Insaf Malaysia) di Taman Setiawangsa, di sini dan memberi tempoh tambahan dua minggu untuk mengosongkan tapak berkenaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa berkata, status tapak itu milik Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan dan sudah diwartakan sebagai tanah lapang di bawah seliaan DBKL.

"Berdasarkan maklumat saya terima, operasi dibuat teratur mengikut peraturan. Beberapa siri libat urus dilaksana sejak Disember 2023 dan notis juga beberapa sudah kali dikeluarkan.

"Pihak pertubuhan bersetuju mengosongkan tapak selewat-lewatnya pada 31 Januari 2025," katanya.

Dr Zaliha menegaskan keputusan DBKL berdasarkan prosedur ditetapkan dan peraturan pihak berkuasa perlu dipatuhi.

"Walaupun operasi sudah dilaksana (semalam), namun DBKL masih beri ruang untuk pihak terbabit mengosongkan tapak itu dalam tempoh dua minggu dari sekarang.

DBKL ROBOH PREMIS INSAF MALAYSIA

Beri ruang lagi 2 minggu

HM
5/2



“
Niat murni
mereka amat saya
hargai terutama
dalam melakukan
kerja amal
Dr Zaliha

PROSES perobohan premis Insaf Malaysia dilakukan DBKL di Setiawangsa.

"Niat murni mereka amat dihargai terutama dalam melakukan kerja amal. Namun peraturan dan garis panduan pihak berkuasa perlu dipatuhi," katanya.

Sebelum ini, Presiden dan Pengasas Insaf Malaysia, Ishak Abdul Kadir berkata pihaknya meminta supaya DBKL dan Ahli Parlimen Setiawangsa Nik Nazmi Nik Ahmad mempertimbangkan semula notis pengosongan dikeluarkan pada 28 Januari lalu dan

dijadualkan berkuat kuasa pada 3 Februari 2025.

Menurut Ishak, pihaknya bukan menolak pembangunan atau enggan berpindah, tetapi masih dalam proses mencari lokasi baharu sebagai ganti kepada premis terbabit.

"Pihak kami sudah menghantar surat kepada DBKL, Parlimen Setiawangsa, Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Pejabat Tanah supaya proses perobohan dapat ditangguhkan selama enam bulan,

namun permohonan kami tidak didengari.

"Premis digunakan sejak tahun 2011 dan menjadi pusat utama pelbagai program kebajikan termasuk pengagihan bantuan makanan kepada golongan memerlukan," katanya.

Untuk rekod, bermula jam 8 pagi kelmarin DBKL merobohkan Pejabat dan Dapur Insaf Malaysia di Taman Setiawangsa yang sudah beroperasi lapan tahun sejak ditubuhkan secara rasmi pada Jun 2011.

HARIAN METRO
05 FEB 2025

Tarikh:

Bekas pegawai kanan Jabatan Ketua Menteri direman 5 hari

HM
5/2

Melaka: Bekas pegawai kanan di Jabatan Ketua Menteri Melaka direman lima hari oleh Mahkamah Majistret Ayer Keroh, di sini, semalam, kerana disyaki terlibat dalam kes penyalahgunaan kuasa dan kedudukan pada tahun lalu.

Perintah reman itu dikeluarkan Majistret Sharada Shienha Mohd Suleiman selepas permohonan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Ma-

laysia (SPRM).

Menurut sumber, wanita berusia 42 tahun itu ditahan jam 4.50 petang kelmarin selepas hadir ke pejabat SPRM Melaka bagi membantu siasatan kes meminta sumbangan program Hari Keluarga/Sasaran Kerja Tahunan berjumlah RM5,000 sedangkan program itu tidak wujud dan wang berkenaan dipercayai digunakan kegunaan peribadi.

Selain itu, suspek juga

dipercayai secara tidak jujur menggunakan wang sumbangan duit raya berjumlah RM600 yang sepatutnya diberikan kepada 30 petugas di bawah seliannya untuk kegunaan peribadinya, tahun lalu.

Sementara itu, Pengarah SPRM Melaka Adi Supian Shafie ketika dihubungi mengesahkan tangkapan dan reman berkenaan serta kes disiasat mengikut Seksyen 23(1) Akta SPRM 2009.

HARIAN METRO

Tarikh:0.5.FEB.2025



Sebahagian premis Insaf Malaysia di Taman Setiawangsa dirobohkan DBKL.

(Foto FB Insaf Malaysia)

DBKL tetap roboh premis diduduki Insaf Malaysia

BH
5/2

Tempoh kosongkan tapak dilanjutkan 2 minggu lagi

Oleh Amir Abd Hamid
amir_hamid@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kekal dengan keputusan merobohkan premis diduduki Pertubuhan Bantuan Teknikal Insaf Malaysia (Insaf Malaysia) dekat Taman Setiawangsa di sini dan memberi tempoh tambahan dua minggu kepada pihak terbabit untuk mengosongkan tapak berkenaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa, berkata status tapak itu adalah milik Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan dan sudah diwartakan sebagai tanah lapang di bawah seliaan DBKL.

"Berdasarkan maklumat yang saya terima, operasi dibuat ada-

lah teratur mengikut peraturan.

"Beberapa siri libat urus dilaksanakan sejak Disember 2023 dan notis juga beberapa sudah kali dikeluarkan.

"Pihak pertubuhan itu juga bersetuju untuk mengosongkan tapak berkenaan selewat-lewatnya pada 31 Januari 2025," katanya dalam satu kenyataan.

Dr Zaliha menegaskan, keputusan DBKL berdasarkan prosedur ditetapkan dan peraturan pihak berkuasa perlu dipatuhi.

"Walaupun operasi sudah dilaksanakan (semalam), DBKL masih memberi ruang untuk pihak terbabit mengosongkan tapak itu dalam tempoh dua minggu dari sekarang.

"Niat murni mereka amat saya hargai, terutama dalam melakukan kerja amal. Namun, peraturan dan garis panduan pihak berkuasa masih perlu dipatuhi," katanya.

Sebelum ini, Presiden dan Pengasas Insaf Malaysia, Ishak Abdul Kadir, berkata pihaknya meminta DBKL dan Ahli Parlimen Setiawangsa, Nik Nazmi Nik Ahmad, mempertimbangkan

semula notis pengosongan yang dikeluarkan pada 28 Januari lalu dan dijadualkan berkuat kuasa pada 3 Februari 2025.

Proses cari lokasi baharu

Ishak mendakwa, pihaknya bukan menolak pembangunan atau enggan berpindah, tetapi masih dalam proses mencari lokasi baharu sebagai ganti kepada premis terbabit.

"Kami sudah menghantar surat kepada DBKL, Parlimen Setiawangsa, Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Pejabat Tanah supaya proses perobohan dapat ditangguhkan selama enam bulan, namun permohonan kami tidak didengari.

"Premis ini digunakan sejak 2011 dan menjadi pusat utama untuk pelbagai program kebajikan, termasuk pengagihan bantuan makanan kepada golongan memerlukan," katanya.

Untuk rekod, bermula sekitar jam 8 pagi semalam, DBKL merobohkan pejabat dan dapur Insaf Malaysia di Taman Setiawangsa yang sudah beroperasi selama lapan tahun sejak ditubuhkan secara rasmi pada Jun 2011.

Rakyat tidak terlibat kenaikan tarif elektrik, hanya industri

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
dan **NURUL IRDINA SUMALI**
utusannews@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Dakwaan rakyat bakal dibebani dengan kenaikan tarif elektrik adalah tidak benar memandangkan ia hanya akan melibatkan industri dan golongan 'mahakaya' sahaja.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kenaikan tarif elektrik yang munasabah hanya dikenakan pada industri dan golongan kaya sahaja.

Kata beliau, kenaikan tersebut tidak akan melibatkan kumpulan rakyat terbanyak.

"Kenaikan tarif (elektrik) kepada industri (dan) golongan

Kenaikan tarif elektrik yang munasabah hanya dikenakan pada industri dan golongan kaya sahaja."

ANWAR IBRAHIM

mahakaya, kalau tidak cukai kepada orang kaya, kita nak tambah peruntukan untuk sekolah (serta) hospital ini dari

mana wangnya? Jadi kita kena terima kenyataan.

"Saya sudah sebut depan peniaga-peniaga semalam (bahawa) kita tidak akan bertolak ansur, kita terpaksa naikan tetapi tidak melibatkan 85 peratus rakyat," katanya di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan daripada Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal (PN-Machang) yang mempertikai kenaikan tarif elektrik.

Mengulas lanjut, Anwar meminta pemimpin pembangkang untuk mendengar penjelasannya dengan betul supaya mendapat penjelasan yang tepat.

"Dengar dengan betul, (jangan) dengar dengan sentimen

marah. Ini penyakit marah, bukan penyakit fakta ekonomi," tegurnya.

Dalam pada itu, Anwar yang juga Ahli Parlimen Tambun berkata, fakta dan data menunjukkan bahawa kerajaan di bawah pimpinannya sudah mengatasi Perikatan Nasional (PN) yang mentadbir kerajaan terdahulu.

"Ekonomi ini bukan 'wayang', ekonomi ini berdasarkan fakta dan data. Faktanya apa? Pelaburan kita meningkat jauh dari semasa PN memerintah, kadar pertumbuhan kita (juga) meyakinkan (dan) ringgit masih mengukuh walaupun keadaan geopolitik tidak menentu.

"Autanya lain, kita kena bezakan," katanya.

UTUSAN MALAYSIA
05 FEB 2025
Tarikh:

Muktamad, tiada lagi tol percuma

Oleh ISKANDAR SHAH
MOHAMED
utusannews@mediamula.com.my

UM
5/2

SABAK BERNAM: Kerajaan akan memberi diskaun tol 50 peratus sepanjang musim perayaan tahun ini sebagai mekanisme menggantikan tol percuma yang dilaksanakan sebelum ini.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, diskaun tersebut akan dilaksanakan selama lapan hari setahun.

Jelas beliau, inisiatif itu menjimatkan kos pembiayaan kerajaan kepada syarikat konsesi berjumlah RM80 juta setahun berbanding RM180 juta menerusi pemberian tol percuma.

"Pada Tahun Baharu Cina lalu, kita memberi diskaun 50 peratus dengan keputusan itu dibuat kerana rakyat masih memerlukannya (musim perayaan).

"Jadi, kita memutuskan ia (diskaun) sepanjang tahun pada musim perayaan dengan selepas ini Aidilfitri dan seterusnya," katanya selepas melakukan lawatan kerja di Jalan Persekutuan FT05 Sungai Besar-Sabak Bernam, Sekinchan, semalam.

Utusan Malaysia pada 24 Januari lalu melaporkan, kerajaan mengumumkan diskaun 50 peratus selama dua hari bagi kadar tol biasa sempena perayaan Tahun Baharu Cina 2025.

Keputusan itu diambil se-

lepas Kabinet sebulat suara meneruskan bantuan tol biarpun menanggung implikasi kewangan dianggarkan berjumlah RM20.08 juta bagi membayar pampasan kepada syarikat konsesi tol.

Mengulas lanjut, kata Alexander, keputusan pemberian diskaun bagi setiap musim perayaan itu telah dipersetujui Kabinet sebelum ini.

"Kabinet boleh putuskan atau tukar pandangan ikut keperluan. Syukur Kabinet masih katakan okay bagi dululah, jangan 100 peratus tol percuma.

"Semua (kos diskaun) dibiayai kerajaan dan bukannya syarikat konsesi. Jadi, saya harap rakyat tahu itu," katanya.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh:05 FEB 2025.....

EXPERTS: TARGETED SUBSIDIES FAIRER

Savings can help the government reduce poverty, foster inclusive growth, say economists

AMALIA AZMI
KUALA LUMPUR
amalia.azmi@nst.com.my



SUBSIDY rationalisation should not be seen as a punishment for high-income earners, but rather as a way to distribute the country's wealth more equitably to the deserving.

Economists say redirecting funds from broad subsidies to more targeted schemes ensures that those who truly need them get help, while also reducing wastage and leakages.

Academy of Sciences fellow Datuk Dr Madeline Berma said the Madani government's shift from broad-based to targeted subsidies was commendable and will ensure fairness for those most in need.

She said with blanket subsidies having been entrenched since the 1980s, the transition to targeted subsidies was long overdue.

Blanket subsidies, she said, were costly.

"For example, 53 per cent of fuel subsidies benefit wealthy households, while only 15 per cent reach the B40," she told the *New Straits Times*.

She said the opaque nature of blanket subsidies also enabled rent-seeking behaviour and contributed to distortions in the market, like smuggling.

Economist Dr Geoffrey Williams said targeted subsidies were overdue.

He said previous governments lacked the courage to reform the subsidy system.

The targeted subsidies will allow the government to make better investments in education and healthcare, as well as support efforts to reduce poverty and foster inclusive growth.

DATUK DR MADELINE BERMA
Academy of Sciences fellow

Williams said the rationalisation of the electricity subsidy had saved the government money as it was based on usage.

"For electricity subsidies, everyone gets subsidies below 600 kWh per month regardless of income level. The subsidies are removed only after your bill exceeds 600 kWh."

"The savings from subsidy rationalisation so far have been effective in saving billions of ringgit," he said.

In the 2025 Budget, the government allocated RM58.2 billion for subsidies, assistance and incentives.

It also plans to remove the RON95 petrol subsidy for the top 15 per cent of income earners (T15).

The T15 group will also see the gradual reduction of their education subsidies, with the savings allocated to improving boarding schools and public university infrastructure.

This approach of reducing subsidies on public services will be extended to the public health system.

The government said the savings could be used to fund medical devices for low-income patients and upgrade equipment at public health-care facilities.

Putra Business School economist Associate Professor Dr Ahmed Razman Abdul Latiff said this approach to subsidies was practised in developed economies and could move forward because the government was stable.

"This initiative will pave the way for Malaysia to achieve that (developed country) status, as efficient utilisation of resources will help the country to become more competitive and sustainable," he said.

LONG-TERM BENEFITS

Madeline said the targeted subsidies will allow the government to make better investments in education and healthcare, as well as support efforts to reduce poverty and foster inclusive growth.

"This presents an opportunity to 'build back better', creating stronger, more resilient and more inclusive education and health systems in a post-Covid environment."

"Savings from these subsidies can reduce inequality of opportunity



Academy of Sciences fellow Datuk Dr Madeline Berma says the Madani government's shift from broad-based to targeted subsidies will ensure fairness for those most in need. NSTP PIC BY AIZUDDIN SAAD

in education and health, and narrow education, skill and health gaps as well as their quality," she said.

HOW TO IMPLEMENT THE TARGETED SUBSIDIES?

Razman said the success of targeted subsidies depended on the government having comprehensive and accurate data to determine who was eligible for them and an efficient implementing mechanism.

Razman said this would ensure only those who needed them would get help and prevent misuse.

He said full support from the public and industry was crucial.

Madeline said the government would need a comprehensive near-real-time database to differentiate the subsidy beneficiaries.

"The database must include data on household background and vulnerability that includes vehicle type, income group and tax residency."

"To ensure a fairer distribution of government funds, policymakers must also consider evidence-based approaches to design subsidy programmes that balance economic objectives with social equity and sustainability," she said.

'Use savings to develop country'

KUALA LUMPUR: Consumers from various income groups support the plan to remove the RON95 petrol subsidy for the top 15 per cent of earners (T15).

Lydia Arina, 38, a high-income private-sector employee, acknowledged that it will increase her cost of living, and affect her purchasing decisions and lifestyle choices.

However, she said high-income earners should see it as a way to contribute to the country's development.

"By reallocating the savings from these subsidies into key areas, such as education, healthcare and social welfare, the government can foster long-term economic growth and reduce inequality," she said.

Lydia said it was essential that the policy was perceived as fair and that the funds from subsidy reductions were spent on initiatives that benefited all segments of society.

Hani Azman, 32, a private-sector employee from the M40 group,

said it was important that the government reinvested the savings from subsidy rationalisation into infrastructure or cost-of-living initiatives.

"Reducing education and health subsidies for high-income earners will positively impact public institutions if savings are reinvested wisely."

"Enhancing public education infrastructure can create better learning opportunities for all students, particularly those from middle- and low-income families," she said.

Hanifah Serewan, 45, a part-time cook, praised the government's move to target subsidies more effectively, saying that it could lead to significant improvements for people like her, who needed them most.

She said the money saved from targeting subsidies should also be channelled to social programmes and infrastructure improvements.

ISING GLOBAL UNCERTAINTY

'RINGGIT IS RELATIVELY STABLE'

Malaysia has stronger macroeconomic fundamentals, proactive policy measures

FAIQAH KAMARUDDIN
KUALA LUMPUR
bt@nst.com.my

NST
5/2

THE ringgit is less vulnerable than some of its Asean peers despite being sensitive to global risk sentiment and capital outflows, industry observers said.

Malaysia's diversified economy and stable fiscal policies offer a buffer compared with smaller, less diversified regional currencies, said Stephen Innes, managing partner at SPI Asset Management.

If trade tensions escalate further, the ringgit could feel the

heat, particularly if investor sentiment deteriorated sharply, he told *Business Times*.

Innes said year-to-date performance shows that the ringgit has weakened moderately, weighed down by global risk aversion and domestic economic concerns.

"That said, compared with some Asean currencies that have suffered steeper losses due to higher external vulnerabilities, the ringgit's relative stability reflects Malaysia's stronger macroeconomic fundamentals and proactive policy measures."

Innes said Malaysia was caught in the middle of the US-China trade war, facing immediate risks

that surpass any potential long-term gain.

"While supply chain shifts could open new doors for investment, the ringgit's trajectory will be dictated by how deep the trade tensions cut into global growth — and whether Malaysia can leverage its economic strengths to weather the storm."

He noted that the intensifying trade war presented major risks for Malaysia, especially in its export-driven sectors like electronics and commodities.

Innes said disruptions in global demand and supply chains could lead to capital outflows, heightening market volatility and putting downward pressure on the ringgit, as investors flee to safer assets amid rising global uncertainty.

"While the immediate impact is

negative, Malaysia's strategic position in global trade could offer a silver lining. As companies seek to diversify production away from China, Malaysia stands to benefit from increased foreign investment in its manufacturing and export sectors," he added.

Innes said these gains would not be immediate, as they would take time and required short-term supply chain adjustments before significant economic benefits can be realised.

MIDF Research said the ringgit was slightly stronger against the US dollar in January, appreciating by 0.3 per cent to end the month at RM4.45.

In its January 2025 monthly currency review, the research firm said the local note strengthened against most currencies.

It rose 0.7 per cent month-on-

month against the euro and 1.3 per cent month-on-month against the pound.

Its strongest gain was against the Sri Lankan rupee, rising 2.0 per cent month-on-month.

Bank Muamalat Malaysia Bhd chief economist Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid said Trump was using tariffs as a tool to negotiate better trade deals.

"While this can wreak havoc on market sentiments, the US economy is in good shape and it does not make sense if the sitting president would want to reverse such a positive trend," he added.

Afzanizam suggested that Malaysia should navigate these challenges by securing more free trade agreements (FTAs), both unilateral and multilateral, to enhance its position in the global economy.

NEW STRAITS TIMES
05 FEB 2025

Tarikh:

Power tariff hike **will not** **affect** 85% of population: PM

➤ Increase only applies to industries and super rich, in accordance with Imbalance Cost Pass-Through mechanism

KUALA LUMPUR: The electricity tariff hike, set to be implemented from July 1, will not affect 85% of the population, said Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

He said the hike would only apply to industries and the super rich, in accordance with the Imbalance Cost Pass-Through (ICPT) mechanism.

Anwar said the hike, which is less than 14%, is reasonable as it is part of government efforts to allocate more funds for development such as schools, hospitals and other programmes of public interest.

"The move to increase electricity tariffs for industries and the super rich is something we insist upon because if we don't tax these groups, how can we increase allocations for schools and hospitals? We have to accept the reality of a reasonable tariff hike for industries and the super rich."

"I told the business community yesterday, we will not compromise. We have to increase the tariffs, but it will not affect 85% of the population. So listen carefully, but not with angry sentiments."

He was replying to a question from Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad (PN-Machang) in the Dewan Rakyat yesterday.

Anwar also rejected Wan Ahmad's notion of an unpredictable or "flip-flop" economy, describing the opposition MP's claims as not based on factual data, Bernama reported.

"The economy is not a show, it is based on facts. The fact is that our investments have increased significantly compared with (the time under) previous prime ministers."



Anwar stressing a point in the Dewan Rakyat yesterday. — BERNAMAPIC

"The fact is that our growth rate is encouraging. The fact is that the ringgit is still strengthening despite uncertain geopolitical conditions and tariffs imposed by other countries. Those are the facts, not lies, and we should know the difference."

Currently, the government provides electricity subsidies to over 85% of households. The basic electricity tariff is set by the Energy

Commission under the Incentive-Based Regulation framework and is reviewed every three years.

In addition to the basic tariff, there is the ICPT mechanism, which is reviewed every six months. The ICPT adjusts electricity rates based on actual changes in fuel costs.

The next tariff review is scheduled for July.

THE SUN

05 FEB 2025

Tarikh: